

10/01/1999

Pak Lah terima restu ibu

RESTU ... Kailan Hassan, 75, ibu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi gembira menyambut kepulangan Abdullah yang tiba di rumah mereka di Kepala Batas, semalam.

Ini adalah kepulangan pertama beliau selepas dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin.

Kepulangan Abdullah turut disambut oleh kaum keluarganya yang lain dengan penuh rasa syukur dengan pelantikan itu.

Amalan mencium tangan ibunya sering dilakukan oleh Abdullah setiap kali pulang ke rumah ibunya sama ada ketika menjalankan urusan rasmi di Pulau Pinang atau melawat kawasan Parlimennya.

(END)